

**From:** UUM CORPORATE COMM.  
**Sent:** Wednesday, February 5, 2020 9:39 AM  
**To:** UUM - All Staff; UUM - All Students  
**Subject:** Seramai 367 Pelajar Baharu Lafaz Ikrar



**UUM Corporate Comm.**  
**Universiti Utara Malaysia**

5 FEBRUARI 2020 / 11 JAMADILAKHIR 1441H  
=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"  
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Siti Fatimah Abdullah  
Gambar oleh: Hairul Nizam Zahari

### **SERAMAI 367 PELAJAR BAHARU LAFAZ IKRAR**



**UUM ONLINE:** Seramai 367 pelajar baharu yang berjaya mendaftar kemasukan ke UUM melafazkan ikrar pada Majlis Ikrar Pelajar Baharu Semester Kedua Sesi 2019/2020, di Dewan Inapan Siswa Telekom Malaysia (TM), semalam.

Bacaan ikrar yang diketuai Pelajar Sarjana Muda Pengurusan Hal Ehwal Antarabangsa, Muhammad Haizzat Syahril Mohd Shudi dilafazkan di hadapan Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi), Prof. Dr. Ayoib Che Ahmad, Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa), Prof. Dr. Yusnidah Ibrahim Pendaftar, Baharudin Yaacob dan Dekan Hal Ehwal Pelajar, Dr. Massudi Mahmuddin.

Berucap pada majlis itu, Prof. Dr. Ayoib berkata, era Revolusi Industri 4.0 melahirkan ramai generasi yang berinovasi dan kreatif sehingga mampu mengubah cara hidup dan budaya

kehidupan manusia hanya yang pantas dan bijak mengambil peluang sahaja akan terus berada di hadapan.

Jelasnya, dalam keadaan dunia pekerjaan yang sangat mencabar, pelajar perlu bersaing menjadi yang terbaik termasuklah mendapat keputusan cemerlang di samping bijak membawa diri dan yakin berkomunikasi.

“Tidak dinafikan, pencapaian akademik sememangnya sentiasa menjadi keutamaan dalam menjalani kehidupan sebagai mahasiswa tetapi janganlah bersikap seperti katak di bawah tempurung.

“Bergiat aktiflah dengan pelbagai aktiviti kokurikulum bagi meningkatkan lima kemahiran utama, iaitu kemahiran berkomunikasi, menganalisis dan mengkaji, mengurus diri, sosial dan berfikir.

“Rebutlah peluang yang ada di universiti untuk sentiasa memperbaiki diri dari pelbagai aspek dan tidak membuang masa dengan perkara yang melalaikan,” pesannya.

Ujarnya, dengan keperluan pekerjaan yang mencabar, para pelajar boleh menceburi bidang keusahawanan yang semakin mendapat tempat pada masa sekarang.

“UUM menyediakan ruang dan peluang kepada pelajar untuk berniaga contohnya terdapat 23 premis di *Varsity Mall* yang disediakan kepada pelajar untuk disewa, selain kemudahan berniaga di tempat lain sekitar kampus.

Tambahnya, kepentingan industri pada masa ini mendesak pelajar untuk menguasai bahasa Inggeris serta bahasa lain agar lebih menonjol dan meningkatkan nilai diri masing-masing.

“Bergaullah dengan rakan-rakan dari luar negara bagi membolehkan saudara saudari meningkatkan keyakinan diri di samping mengenali cara hidup dan budaya asing.

“Saya mewakili Pengurusan Tertinggi Universiti mengucapkan tahniah dan selamat datang, kepada semua pelajar baharu dan patuhi peraturan kampus, akta, perlembagaan dan statut universiti.

Beliau menyeru pelajar belajar bersungguh-sungguh, berdikari dan menggunakan peluang yang ada untuk membalas jasa ibu bapa yang telah banyak berkorban dan meletakkan harapan tinggi untuk menjadi insan yang cemerlang di dunia dan akhirat.



Please consider the environment before printing this e-mail



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.